

Panduan di bawah akan membantu anda mengisi penyata ini.  
*The guideline below will help you to fill in the return.*

### **GST – 03**

#### **PENYATA CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN GOODS AND SERVICES TAX RETURN**

<b>Butiran  <i>Field</i></b>	<b>Nota-Nota Penerangan  <i>Explanatory Notes</i></b>
<input type="checkbox"/> Pindaan <i>Amendment</i>	Tandakan (X) jika penyata ini ialah penyata pindaan. <i>Tick (X) if the return is a return amendment.</i>
<b>BAHAGIAN A  <i>PART A</i></b>	<b>BUTIRAN ORANG BERDAFTAR  <i>REGISTERED PERSON DETAILS</i></b>
1) No. CBP <i>GST No.</i>	<p>Nombor Pendaftaran CBP:          contohnya: 001234567890*</p> <p>*seperti yang tercatat dalam keputusan permohonan pendaftaran</p> <p><i>GST registration number:          example: 001234567890*</i></p> <p><i>*as stated in the approval letter of application for registration</i></p>
2) Nama Perniagaan <i>Name of Business</i>	<p>Nama perniagaan yang didaftarkan dengan pihak berwajib contohnya Suruhanjaya Syarikat Malaysia, Pendaftar Pertubuhan, Badan Profesional atau lain-lain.</p> <p>Contohnya: Syarikat KNZH Sdn. Bhd.</p> <p><i>Business name as registered with the relevant authority e.g. Company Commission of Malaysia, Registrar of Society, Professional Bodies or others.</i></p> <p><i>Example: Syarikat KNZH Sdn. Bhd.</i></p>
<b>BAHAGIAN B  <i>PART B</i></b>	<b>BUTIRAN PENYATA  <i>RETURN DETAILS</i></b>
3) Tempoh Bercukai <i>Taxable Period</i>	<p>Tempoh bercukai (tarikh mula dan akhir) yang berkenaan dengan pengikrarani ini dan hendaklah mengikut kelulusan. Nyatakan hari / bulan / tahun seperti berikut :</p> <p>Tempoh bercukai bulanan: Tarikh Mula : 01/04/2015          Tarikh Akhir: 30/04/2015</p> <p>Tempoh bercukai suku tahun: Tarikh Mula: 01/04/2015          Tarikh Akhir: 30/06/2015</p>

	<p><i>Approved taxable period (start and end dates) related to this return and should be in accordance with approval. Specify the day / month / year as follows:</i></p> <p><i>Monthly taxable period: Start Date: 01/04/2015 End Date : 30/04/2015</i></p> <p><i>Quarterly taxable period: Start Date: 01/04/2015 End Date : 30/06/2015</i></p>
4) Tarikh Akhir Serahan Penyata dan Bayaran <i>Return and Payment Due Date</i>	<p>Tarikh akhir serahan penyata dan bayaran iaitu hari terakhir bulan berikut dengan tempoh bercukai di butiran 3 di atas. Contohnya, untuk tempoh bercukai :</p> <p>Bulanan : 31/05/2015 Suku tahun : 31/07/2015</p> <p><i>The last date for the submission of return and payment is the last day of the following month according to the taxable period as item 3 above. Example: Monthly taxable period : 31/05/2015 Quarterly taxable period : 31/07/2015</i></p>
5) Cukai Output <i>Output Tax</i> a) Jumlah Nilai Pembekalan Berkadar Standard <i>Total Value of Standard Rated Supply</i>	<p>Nyatakan jumlah sebenar nilai pembekalan berkadar standard. Anda hendaklah mengikrarkan semua jumlah nilai pembekalan berkadar standard (tidak termasuk jumlah CBP). Contohnya adalah :</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>○ bekalan bercukai yang dibuat dalam urusan perniagaan anda termasuk; <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ penjualan kenderaan oleh syarikat kenderaan</li> <li>▪ pendapatan yang diperolehi daripada perniagaan, profesion atau pekerjaan jika anda seorang orang berdaftar bertaraf pemilik tunggal atau individu (Contohnya, pendapatan yang diperolehi sebagai ejen insurans, akauntan, ejen hartanah, kontraktor dsbnya).</li> <li>▪ penjualan aset perniagaan (cth. peralatan pejabat);</li> </ul> </li> </ul>

- sewa barang-barang kepada orang lain;
- pembekalan yang disifatkan (*deemed supply*)
  - hadiah barang kepada orang yang sama dalam tempoh setahun yang kosnya melebihi daripada RM500.00 tidak termasuk CBP;
  - pembekalan kendiri contohnya penggunaan aset untuk kegunaan peribadi

Anda tidak perlu mengikrarkan pembekalan barang bercukai yang mana tiada cukai dipungut seperti pembayaran cukai ditangguhkan, diberikan pelepasan, inputnya disekat atau pengimportan dibawah skim ATS. Maklumat lanjut sila rujuk Panduan CBP ke atas Cukai Input.

Nilai barang atau perkhidmatan yang mempunyai nota kredit yang telah dikeluarkan atau nota debit yang diterima hendaklah ditolak daripada bekalan berkadar standard dalam ruangan 5 (a), contohnya barang yang dipulangkan atas sebab tertentu.

*State the actual total value of standard rated supply. You must declare the total value of standard -rated supply (excluding the amount of GST) of all taxable supplies including supplies such as:*

- i. *taxable supplies made in the course of your business includes;*
  - *The sale of the vehicle by the automobile company*
  - *income from business, profession or occupation if you are a registered person with status as a sole proprietorship or individual (for example, income earned as insurance agents, accountants, real estate agents, contractors etc).*
  - *The sale of business assets (e.g. office equipment ) ;*
  - *leasing of goods;*
- ii. *deemed supply;*

	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ <i>Input of gift items costing more than RM500.00, excluding GST;</i></li> <li>▪ <i>Self supply such as supply of asset for personal used.</i></li> </ul> <p><i>You do not need to declare the taxable supply of goods whereby no tax collected as suspended tax payments, relief given, block input tax or goods imported under the ATS scheme. Further information please refer to GST Guide on Input Tax.</i></p> <p><i>The value of goods or services that have been issued credit notes or received a debit notes shall be excluded from the standard rated supply in columns 5(a), for example, goods returned for some reason.</i></p>
b) Jumlah Cukai Output (Termasuk Hutang Lapuk Dibayar Balik dan Pelarasan lain) <i>Total Output Tax (inclusive of Bad Debt Recovered and other Adjustments)</i>	<p>Nyatakan jumlah sebenar cukai output (termasuk hutang lapuk dibayar balik dan lain-lain pelarasan). Contoh pelarasan adalah seperti:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Pelarasan berhubung dengan perubahan dasar perakaunan</li> <li>ii. Pelarasan disebabkan oleh terlebih bayar atau tersilap bayar cukai</li> <li>iii. Pelarasan disebabkan perubahan penggunaan</li> <li>iv. Pelarasan disebabkan perubahan kadar atau deskripsi</li> <li>v. Pelarasan berkaitan dengan tempoh peralihan</li> <li>vi. Pelarasan tahunan atau pelarasan tempoh panjang (untuk pembekalan bercampur sahaja)</li> <li>vii. Pelarasan kerana pertukaran penggunaan dibawah pelarasan aset kapita.</li> <li>viii. Pelarasan kerana tidak membayar pembelian yang cukai inputnya telah dituntut, selepas 6 bulan dari tarikh pembelian itu..</li> </ol> <p>Untuk peterangan lanjut, sila rujuk kepada Panduan Cukai Input, Panduan Pengecualian Separa (PE) dan Pelarasan Aset Modal.</p> <p><i>State the actual output tax for supply made including deemed supply (inclusive of bad debt recovered and other adjustments). Output tax involving, other</i></p>

*adjustments should also be included: Example of such adjustments are as follows:*

- i. *Adjustment in relation to change of accounting basis*
- ii. *Adjustment due to overpaid or erroneously payment of tax*
- iii. *Adjustment due to change in use*
- iv. *Adjustment due to change in rate or description*
- v. *Adjustment in relation to transitional period*
- vi. *Adjustment for longer period if any (for mixed suppliers only)*
- vii. *Adjustment for change of use under capital goods if any (for mixed suppliers only)*
- viii. *Payment not made for acquisition after 6 months from the date of supply*

*Note: For further information, please refer to the Guide on Input Tax, Guide on Partial Exemption and Guide on Capital Goods Adjustment and other relevant Guides*

6) Cukai Input <i>Input Tax</i> <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Jumlah Nilai Perolehan Berkadar Standard  <i>Total Value of Standard Rated Acquisition</i></li> </ul>	<p>Nyatakan jumlah sebenar nilai perolehan berkadar standard .</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Anda tidak perlu mengikrarkan pembelian barang bercukai yang mana tiada cukai dikenakan seperti pembayaran cukai ditangguhkan, diberikan pelepasan, inputnya disekat atau pengimportan dibawah skim ATS. Maklumat lanjut sila rujuk Panduan CBP ke atas Cukai Input.</li> <li>ii. Nilai barang atau perkhidmatan yang mempunyai nota kredit yang diterima atau nota debit yang dikeluarkan hendaklah ditolak daripada pembelian berkadar standard dalam ruangan 6 (a), contohnya barang yang dipulangkan atas sebab tertentu.</li> </ol> <p><i>State the actual total value of standard rated acquisition.</i></p>

	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. You do not need to declare the taxable supply of goods whereby no tax collected as suspended tax payments, relief given, block input tax or goods imported under the ATS scheme. Further information please refer to GST Guide on Input Tax Credit.</li> <li>ii. The value of goods or services that have been issued credit notes or received a debit notes shall be excluded from the standard rated supply in columns 6(a), for example, goods returned for some reason.</li> </ul>
b) Jumlah Cukai Input (Termasuk Pelepasan Hutang Lapuk dan Pelarasan lain) <i>Total Input Tax (inclusive of Bad Debt Relief and other Adjustments)</i>	<p>Nyatakan jumlah sebenar cukai input (termasuk pelepasan hutang lapuk dan pelarasan lain).</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Pelarasan berhubung dengan perubahan dasar perakaunan</li> <li>ii. Pelarasan disebabkan oleh terlebih bayar atau tersilap bayar cukai</li> <li>iii. Pelarasan disebabkan perubahan penggunaan</li> <li>iv. Pelarasan disebabkan perubahan kadar atau deskripsi</li> <li>v. Pelarasan berkaitan dengan tempoh peralihan</li> <li>vi. Pelarasan disebabkan oleh cukai input yang disifatkan berkaitan dengan insurans dan bayaran tunai takaful</li> <li>vii. Pelarasan disebabkan oleh cukai input yang disifatkan berkaitan dengan pembayaran wang tunai yang dibuat di dalam skim promosi</li> <li>viii. Pelarasan tahunan atau pelarasan tempoh panjang (untuk pembekalan bercampor shj)</li> <li>ix. Pelarasan kerana pertukaran penggunaan dibawah pelarasan aset kapital</li> <li>x. Pembayaran balik hutang yang melebihi usia 6 bulan.</li> </ul> <p><i>State the actual input tax (inclusive of bad debt relief and other adjustments). For example, other adjustment includes:</i></p>

	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Adjustment in relation to change of accounting basis</li> <li>ii. Adjustment due to overpaid or erroneously payment of tax</li> <li>iii. Adjustment due to change in change in use</li> <li>iv. Adjustment due to change in rate or description</li> <li>v. Adjustment in relation to transitional period</li> <li>vi. Adjustment due to deemed input tax relating to insurance &amp; takaful cash payment</li> <li>vii. Adjustment due to deemed input tax relating to cash payment made in a promotional scheme</li> <li>viii. Adjustment for longer period if any (for mixed suppliers only)</li> <li>ix. Adjustment for change of use under capital goods if any (for mixed suppliers only)</li> <li>x. Repayment of debt after 6 months.</li> </ul>
7) Amaun CBP Kena Dibayar (Butiran 5b – Butiran 6b) <i>GST Amount Payable (Item 5b – Item 6b)</i>	<p>Nyatakan amaun sebenar CBP kena dibayar (Butiran 5b – Butiran 6b). Ruangan ini diisi sekiranya amaun cukai output melebihi cukai input. Perbezaan CBP hendaklah dibayar mengikut tarikh akhir serahan penyata seperti di Butiran 4.</p> <p><i>State the actual GST amount payable (Item 5b – Item 6b). If the amount of output tax greater than the input tax, the GST must be paid according to the return and payment due date as in item 4.</i></p>
<b>ATAU / OR</b>	
8) Amaun CBP Boleh Dituntut (Butiran 6b – Butiran 5b) <i>GST Amount Claimable (Item 6b – Item 5b)</i>	<p>Nyatakan amaun sebenar CBP boleh dituntut (Butiran 6b – Butiran 5b). Ruangan ini diisi sekiranya amaun cukai input melebihi cukai output. Perbezaan CBP akan dibayar oleh kerajaan.</p> <p><i>State the actual GST amount claimable (Item 6b – Item 5b). If the amount of input tax greater than the output tax, the GST will be refunded.</i></p>
9) Adakah anda memilih untuk	

<p>membawa ke hadapan pembayaran balik CBP?</p> <p><input type="checkbox"/> Ya      <input type="checkbox"/> Tidak</p> <p><b>Do you choose to carry forward refund for GST?</b></p>	<p>Sila tanda (X) dalam kotak pilihan “Ya” atau “Tidak”. Jika “Ya” bermaksud anda bersetuju untuk membawa kehadapan CBP dan jika “Tidak” CBP tersebut akan dikembalikan ke akaun anda.</p> <p><i>Please tick (X) either "yes" or "no" in the appropriate box. If "yes" means you agree to bring forward the GST and if "no" GST will be refunded to your account.</i></p>
<b>BAHAGIAN C PART C</b>	<b>MAKLUMAT TAMBAHAN ADDITIONAL INFORMATION</b>
<p>10) Jumlah Nilai Pembekalan Tempatan Berkadar Sifar <i>Total Value of Local Zero-Rated Supplies</i></p>	<p>Nyatakan jumlah sebenar nilai pembekalan tempatan berkadar sifar. <i>State the actual total value of local zero-rated supplies.</i></p>
<p>11) Jumlah Nilai Pembekalan Eksport <i>Total Value of Export Supplies</i></p>	<p>Nyatakan jumlah sebenar nilai pembekalan eksport. Nilai pembekalan eksport hendaklah diisi dengan nilai semua barang yang dieksport dan semua perkhidmatan antarabangsa yang diberikan oleh anda dalam tempoh perakaunan yang ditetapkan. Contoh perkhidmatan antarabangsa seperti;</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. penumpang pengangkutan dengan kapal atau penerbangan antarabangsa (keluar dan masuk termasuk transit domestik);</li> <li>ii. pengangkutan muatan oleh kapal atau penerbangan antarabangsa (keluar dan masuk termasuk transit domestik); dan</li> <li>iii. perkhidmatan sokongan (termasuk memuatkan, memunggah dan pengendalian), insurans dan penghantaran dalam mana-mana zon perdagangan bebas, pelabuhan, terminal, lapangan terbang atau penyimpanan pengendalian kargo.</li> </ul> <p>Maklumat lanjut sila rujuk Panduan CBP ke atas Pembekalan.</p>

	<p><i>State the actual total value of export supplies.</i></p> <p><i>Total Value of Export Supplies shall state the value of all goods exported and services provided internationally by you according to the accounting period. Examples of international services are;</i></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. <i>international transportation of passengers by ship or flight (outbound and inbound including the domestic leg);</i></li> <li>ii. <i>international transportation of freight by ship or flight (outbound and inbound including domestic leg); and</i></li> <li>iii. <i>ancillary services (including loading, unloading and handling), insurance and freight forwarding in any free trade zone, port, terminal, airport or cargo handling storage.</i></li> </ul> <p><i>Further information please refer to GST Guide on Supply.</i></p>
12) Jumlah Nilai Pembekalan Dikecualikan <i>Total Value of Exempt Supplies</i>	<p>Nyatakan jumlah sebenar nilai pembekalan dikecualikan. Pembekalan dikecualikan adalah seperti penjualan dan pajakan harta tanah kediaman, tanah untuk pertanian dan kegunaan umum, perkhidmatan pengangkutan awam, kesihatan, pendidikan swasta dan kewangan.</p> <p><i>State the actual total value of exempt supplies.</i></p> <p><i>Exempt supplies are such as selling and leasing of residential property, land for agricultural and public use, public transport, health, private education or financial.</i></p>
13) Jumlah Nilai Pembekalan Diberi Pelepasan CBP <i>Total Value of Supplies Granted GST Relief</i>	<p>Nyatakan jumlah sebenar nilai pembekalan yang diberi pelepasan CBP seperti disenaraikan di dalam Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pelepasan) 201X.</p> <p>Contoh pembekalan yang diberi pelepasan CBP adalah seperti:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i) barang-barang yang dibawa masuk dari kawasan ditetapkan ke Kawasan Utama Kastam untuk pembakaian dan kemudian dikembalikan semula ke kawasan ditetapkan;</li> </ul>

	<ul style="list-style-type: none"> <li>ii) pengimportan semula barang pengilangan tempatan untuk tujuan diproses semula;</li> <li>iii) barang yang diambil sebagai sampel, sample pengeluaran, palet dan bekas kosong termasuk botol, dram, beg silinder fleksibel hospital untuk tujuan mengisi barang dan kemudiannya dieksport semula;</li> <li>iv) barang-barang untuk kegunaan rasmi di kedutaan.</li> </ul> <p><i>State the actual total value of supplies granted GST relief in the Goods and Services Tax (Relief) Order 201X.</i></p> <p><i>Examples of the relief given to the taxable supplies are as below:</i></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i) <i>the goods brought from the designated area into the Principal Customs Area for repair and then returned back to the designated area;</i></li> <li>ii) <i>the re-importation of the goods locally manufactured for the purpose of reprocessing;</i></li> <li>iii) <i>goods taken as samples, production samples, pellets and empty containers including bottles, drums, hospital flexi bag cylinders for filling goods and then re-exported;</i></li> <li>iv) <i>the goods are for official use at the embassy.</i></li> </ul>
14) Jumlah Nilai Pengimportan Barang di bawah Skim Pedagang Diluluskan <i>Total Value of Goods Imported under Approved Trader Scheme</i>	Nyatakan jumlah sebenar nilai pengimportan barang di bawah Skim Pedagang Diluluskan. <p><i>State the actual total value of goods imported under Approved Trader Scheme.</i></p>
15) Jumlah Nilai CBP Import Digantung di bawah butiran 14 <i>Total Value of GST Suspended under item 14</i>	Nyatakan jumlah sebenar nilai CBP import ditangguh di bawah butiran 14. <p><i>State the actual total value of GST on import suspended under item 14.</i></p>

16) Jumlah Nilai Perolehan Harta Modal <i>Total Value of Capital Goods Acquired</i>	Nyatakan jumlah sebenar nilai perolehan harta modal. Contohnya pembelian lori, bangunan pejabat.  <i>State the actual total value of capital goods acquired. Examples are purchase of lorry and office building</i>
17) Pelepasan Hutang Lapuk <i>Bad Debt Relief</i>	Nyatakan jumlah sebenar nilai pelepasan hutang lapuk. <i>State the actual total value of bad debt relief.</i>
18) Hutang Lapuk Dibayar Balik <i>Bad Debt Recovered</i>	Nyatakan jumlah sebenar nilai hutang lapuk dibayar balik. <i>State the actual total value of bad debt recovered.</i>
19) Pecahan Nilai Cukai Output mengikut Kod Industri Utama <i>Breakdown Value of Output Tax in accordance with Major Industries Code</i>	Kod Industri Utama hendaklah dirujuk pada Klasifikasi Standard Perindustrian Malaysia dibawah ruangan "perkara" yang boleh dicapai di laman web <a href="http://www.statistics.gov.my">http://www.statistics.gov.my</a>  <i>Major Industries Code must refer to Malaysia Standard Industrial Classification under "Item" that can be accessed through the website at</i> <a href="http://www.statistics.gov.my">http://www.statistics.gov.my</a>
	Nyatakan Nilai Cukai Output untuk setiap Industri Utama <i>State the value of Output Tax for each of Major Industry.</i>
	Jumlah peratusan hendaklah bersamaan 100% <i>Total percentage must equal 100%</i>
BAHAGIAN D <i>PART D</i>	AKUAN <i>DECLARATION</i>
20) Nama Orang Diberi Kuasa <i>Name of Authorised Person</i>	Nama seperti yang tertera dalam kad pengenalan atau passport. <i>Name as per identity card or passport.</i>
21) No. Kad Pengenalan <i>Identity Card No</i>	Nombor kad pengenalan baru dan lama (jika berkenaan). <i>New and old (if applicable) identity card number.</i>
22) No. Pasport <i>Passport No.</i>	Wajib diisi oleh mana-mana warganegara asing. Bagi warganegara digalakkan mengisi jika berkenaan. <i>For non-citizen, it is mandatory to fill in passport number.</i> <i>For Malaysian, it is advisable to fill in if applicable.</i>
23) Kewarganegaraan <i>Nationality</i>	Nyatakan kewarganegaraan contohnya Malaysia. <i>State nationality e.g. Malaysia.</i>

24) Tarikh <i>Date</i>	Tarikh borang ini ditandatangani. Hari / Bulan / Tahun <i>The date this form is signed.</i> <i>Day / Month / Year</i>
25) Tandatangan <i>Signature</i>	Tandatangan yang diakui. <i>Valid signature.</i>